BAB V : RUMUSAN DAN CADANGAN

Bab ini mempunyai dua bahagian iaitu bahagian pertama membuat rumusan dapatan yang diperolehi hasil daripada kajian dan bahagian kedua cadangan berkait dengan hasil daripada dapatan kajian tentang aspek pengujian di peringkat sekolah. Rumusan dan cadangan berdasarkan kepada persoalan kajian.

Objektif Guru Menjalankan Ujian

Dapatan yang diperolehi daripada kajian dapat dirumuskan bahawa guru mempunyai pelbagai pandangan tentang tujuan melaksanakan latihan , ujian dan peperiksaan ke atas pelajar. Persamaan pendapat hanya tentang tujuan latihan mingguan dan ujian bulanan dilaksanakan ialah untuk menilai sejauh mana pelajar telah dapat menguasai kemahiran dan memahami isi pelajaran yang telah ajar oleh guru. Guru dapat mengenalpasti masalah pemelajaran pelajar dalam aspek tertentu dalam mata pelajaran yang diajar, ini membolehkan guru membuat diagnostik ke atas pelajar.

Guru memberikan pendapat yang berbeza tentang tujuan melaksanakan peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan percubaan, pada pendapat Puan Mai kedua-dua peperiksaan tersebut dapat membezakan pencapaian seseorang pelajar sahaja, tetapi pada pendapat Puan Zai pula, hasil daripada keputusan peperiksaan pertengahan tahun membolehkan guru mengambil langkah-langkah tertentu bagi memperbaiki prestasi pelajar yang lemah dan diharapkan pelajar tersebut akan meningkat prestasinya dalam

peperiksaan percubaan. Peperiksaan percubaan pula, disamping mengetahui pencapaian pelajar, guru menilai keberkesanan pemulihan yang telah dijalankan dan guru membuat ramalan ke atas pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam.

Cadangan.

Guru sebagai penilai pencapaian pelajar di peringkat sekolah harus mempunyai kesedaran dan kefahaman tentang tujuan melaksanakan sesuatu ujian dan peperiksaan, sama ada untuk tujuan penilaian formatif atau sumatif. Kesedaran dan kefahaman tentang tujuan penilaian secara langsung mempengaruhi pemilihan jenis - jenis item yang bersesuaian untuk membolehkan guru mencapai tujuannya. Adalah lebih sesuai menggunakan soalan bentuk esei seperti jenis soalan jawapan pendek dan soalan mengisi tempat kosong, sekiranya guru bertujuan mengesan sejauh mana kelemahan pelajar dalam pemelajaran dan ingin menjalankan pemulihan, berbanding dengan menggunakan soalan bentuk objektif seperti soalan jenis salah-benar dan aneka pilihan yang memberi peluang pelajar meneka jawapan.

Adalah dicadangkan satu kajian lanjutan mengkaji tentang kesediaan guru melaksanakan penilaian formatif di peringkat menengah atas, menggunakan kaedah temubual, pemerhatian dan analisis dokumen. Melalui pemerhatian kajian yang dijalankan sebelum dan selepas sesuatu ujian bulanan, akan dapat memperolehi maklumat sejauh mana guru bersedia menjalankan diagnostik ke atas masalah pemelajaran pelajar dan guru

pelajaran untuk menyemakkaji soalan sebelum digunakan untuk ujian atau peperiksaan. Ini menunjukkan di sekolah Puan Zai terdapat kerja secara berpasukan, sekolah berusaha mengawal kualiti soalan yang dibina oleh guru dan amalan pengujian dirancang dengan teratur. Oleh itu secara keseluruhan item - item yang dihasilkan adalah lebih baik seperti mempunyai tugasan, gambar rajah dan stimulus yang jelas dan sesuai dengan tahap pemelajaran pelajar. Berbeza dengan sekolah yang item dibina secara individu tanpa menjalani proses semakkaji ke atas soalan yang telah dibina oleh seseorang guru, terdapat lebih banyak item-item yang kabur, pilihan jawapan bagi soalan objektif yang kurang tepat. Ini bolen mempengaruhi nilai kebolehpercayaan sesuatu ujian.

Kebanyakan aras kemahiran yang diuji dalam soalan objektif adalah pada tahap rendah dan sederhana iaitu menguji pengetahuan, kefahaman, dan aplikasi. Soalan yang dibina hanya menguji pelajar mengingati fakta, memberi definisi, membuat interpretasi, dan menggunakan data yang ada untuk mendapatkan keputusan.

Bagaimanapun dalam soalan bentuk esei, soalan yang dibina menguji tahap kemahiran yang lebih tinggi berbanding dengan soalan objektif iaitu pada tahap kemahiran analisis, sintesis dan penilaian. Soalan yang dibina dapat menguji pelajar membuat andaian, membuat keputusan, mengabung elemen-elemen atau fakta kepada bentuk komunikasi baru, menilai sesuatu, membuat kesimpulan, dan mengupas masalah secara konkrit.

Walaupun guru tidak menyatakan memerlukan masa yang banyak untuk menggubal soalan, tetapi guru mengakui bahawa kemahiran membina item perlu bagi

seseorang guru. Guru mengakui sukar membina soalan objektif dan menghadapi masalah menyediakan pilihan jawapan soalan objektif seperti mengenalpasti isi-isi penting sebagai pilihan jawapan dalam sesuatu petikan karangan. Guru menghadapi masalah untuk menyediakan skim jawapan soalan sesi terutamanya jika skim jawapan disediakan secara individu.

Oleh itu menurut Sham Sani yang dipetik daripada Utusan Malaysia (Julai, 1996), menyatakan peperiksaan percubaan tidak sesuai dijadikan kayu ukur untuk menggambarkan keputusan sebenar kerana penyediaan soalan berbeza antara sebuah sekolah dengan sebuah sekolah yang lain.

Cadangan.

Pihak pentadbir sekolah merupakan pihak yang bertanggung jawab dalam melaksanakan pengujian di peringkat sekolah. Adalah dicadangkan pihak pentadbir menyusun sistem pengujian mengikut jenis penilaian yang ingin dilaksanakan di sekolah tersebut. Sekiranya ujian adalah bertujuan mengesan kelemahan pemelajaran pelajar dan ingin membuat pemulihan, maka adalah lebih sesuai ujian ditadbir oleh guru berdasarkan isi pelajaran dan kemahiran yang telah dipelajari oleh pelajarnya mengikut sesebuah kelas secara individu. Ini bermakna penjadualan pentadbiran ujian dan set soalan seharusnya tidak diseragamkan untuk semua kelas di sekolah tersebut.

Bagaimanapun, jika ujian bertujuan untuk mengetahui pencapaian pelajar dalam suatu mata pelajaran, suatu prosedur yang perlu diwujudkan di sekolah seperti megadakan

jadual prosedur kerja tentang penggubalan item, megadakan mesyuarat menyemakkaji item, megadakan mesyuarat penyelarasan ke atas skim jawapan dan pemarkahan dan menyediakan penjadualan pentadbiran ujian. Melalui jadual prosedur kerja yang ditetapkan akan mewujudkan suasana kerja secara berpasukan dan berkongsi idea dikalangan guru-guru. Ini secara langsung akan memberi kesan ke atas kualiti item yang dibina oleh guru.

Pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) boleh merancang latihan kepada guru dan pengetua dalam program Latihan Dalam Perkhidmatan tentang pengujian dan pengukuran. Latihan ini memberi peluang guru meningkatkan kefahaman dan kemahiran tentang aspek pengujian dan bagi pihak pengetua merupakan suatu penekanan pentingnya aspek pengujian, maka pengetua seharusnya mengurus pentadbiran ujian dengan lebih berkesan di peringkat sekolah.

Adalah dicadangkan suatu kajian secara analisis item dijalankan ke atas item yang digunakan untuk peperiksaan percubaan untuk mengetahui sejauh mana item-item tersebut mempunyai indeks kesukaran dan indeks pembezaan. Berdasarkan maklumat-maklumat tersebut keputusan boleh dibuat sama ada sesuatu item itu boleh digunakan atau tidak boleh digunakan dalam sesuatu ujian atau peperiksaan. Hasil daripada analisis item juga akan memberi maklumat tentang nilai kebolehpercayaan sesesuatu ujian yang dilaksanakan oleh guru.

Penggunaan Bentuk dan Jenis Soalan.

Guru menggunakan kedua-dua bentuk soalan iaitu soalan esei dan soalan objektif dalam ujian yang dijalankan ke atas pelajarnya. Guru tidak cenderung menggunakan satu bentuk sahaja, kerana mereka menyedari bahawa kedua-dua bentuk item tersebut digunakan dalam peperiksaan awam. Jenis soalan objektif yang digunakan dalam latihan mingguan berbeza menunjukkan kecenderungan yang berbeza antara subjek yang dikaji. Puan Mai lebih cendrung menggunakan jenis soalan objektif mengisi tempat kosong dan aneka gabungan, manakala Puan Zai lebih cenderung menggunakan soalan jenis aneka pilihan dan aneka gabungan. Ini menunjukkan latihan yang dijalankan oleh Puan Mai memerlukan pelajar memberi jawapan sendiri berbanding dengan Puan Zai, yang menggunakan item jenis aneka pilihan, ini hanya memerlukan pelajar memilih jawapan yang telah disediakan dan membolehkan pelajar meneka sesuatu jawapan.

Cadangan

Guru harus menggunakan pelbagai jenis item semasa melaksanakan ujian dibilik darjah, kerana penggunaan kepelbagaian item membantu pelajar menggunakan kefahaman dan kemahiran mereka menjawab soalan dan guru pula dapat menilai dengan tepat sejauh mana pelajar telah menguasai kemahiran yang telah dipelajari. Jenis-jenis item objektif yang lazim digunakan ialah seperti salah benar, padanan, aneka pilihan, dan aneka gabungan. Jenis soalan esei pula ialah jenis jawapan pendek, mengisi tempat kosong dan menulis laporan.

Sumber Rujukan Untuk Membina Soalan.

Pelbagai jenis bahan rujukan digunakan oleh guru semasa membina item untuk sesuatu ujian. Sumber rujukan diperolehi daripada buku-buku rujukan, majalah dan akhbar harian. Penggunaan sumber yang pelbagai ini memerlukan guru banyak membaca dan memerlukan sumber rujukan yang banyak diperpustakaan dan dipusat sumber sekolah. Ini menimbulkan masalah kepada guru sekiranya sumber rujukan di sesebuah sekolah itu terhad. Guru juga menghadapi masalah mendapatkan sumber rujukan yang bersesuaian untuk menggubal soalan terutamanya dalam menggubal soalan esei yang berkait dengan isu-isu semasa.

Cadangan.

Pihak sekolah juga harus memperuntukkan perbelanjaan tahunan untuk membeli bahan-bahan bacaan di perpustakaan dan di bilik sumber sekolah. Diharapkan guru dapat menggunakan kemudahan yang disediakan seperti buku-buku rujukan dan majalah semasa membina soalan ujian. Guru juga harus mempunyai kesedaran dan membuat pemilihan yang teliti bagi memastikan ketepatan maklumat sumber rujukan yang digunakan bagi menggubal soalan dan skim jawapan, supaya maklumat yang diambil untuk tujuan tersebut merupakan suatu maklumat yang betul.

Pentadbiran Ujian, Penyediaan Skim Jawapan, Pemeriksaan Skrip Jawapan, dan Pengredan.

Wujud perbezaan antara sekolah - sekolah dalam pentadbiran sesuatu ujian dan penyediaan skim jawapan dan pemarkahan ke atas dua sekolah yang dikaji. Di sekolah Puan Mai, ujian bulanan ditadbir secara individu, menggunakan soalan yang digubal sendiri dan atas daya usaha oleh seseorang guru, hanya peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan percubaan ditadbir pada masa yang ditetapkan oleh pentadbir sekolah dengan menggunakan untuk semua tingkatan. Guru mengakui sukar menyediakan skim jawapan terutamanya soalan esei jika dilakukan secara persorangan. Perbincangan hanya dilakukan secara tidak formal ke atas beberapa bahagian dalam skim jawapan dan pemarkahan. Walaupun Puan Mai menggunakan kedua-dua kaedah iaitu '*holistic*' dan analitikal bagi memeriksa skrip jawapan esei tetapi kaedah tersebut tidak digunakan oleh guru lain yang memeriksa skrip jawapan dalam mata pelajaran yang sama. Ini menggambarkan wujud kaedah pemeriksaan skrip jawapan yang tidak seragam antara seorang guru dengan guru yang lain di sebuah sekolah.

Di sekolah Puan Zai, proses pengujian lebih seragam dan sistematik. Ujian bulanan, peperiksaan pertengahan dan peperiksaan percubaan dijalankan serentak bagi semua tingkatan. Skim jawapan dan pemarkahan tersebut dinilai oleh suatu mesyuarat antara guru-guru sebelum digunakan untuk pemeriksaan skrip jawapan dan menggunakan kaedah pemeriksaan yang sama. Walau bagaimanapun guru masih mengakui bahawa menyediakan pilihan jawapan soalan objektif adalah suatu tugas yang sukar.

Masa yang digunakan oleh guru memeriksa skrip jawapan adalah terhad dan ini boleh mempengruhi konsistensi pemarkahan ke atas skrip jawapan, yang memberi kesan secara langsung kepada kebolehpercayaan sesuatu ujian.

Pengredan ke atas pencapaian pelajar tiada perbezaan antara sekolah yang dikaji. Mereka menggunakan gred A hingga gred R untuk menunjukkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan percubaan. Manakala dalam latihan mingguan dan ujian bulanan pencapaian pelajar digambarkan dengan memberi markah yang diperolehi oleh pelajar dan guru hanya menyatakan pelajar tersebut pencapaiannya baik, sederhana atau lemah.

Cadangan

Pihak pentadbir sekolah perlu memperuntukkan masa yang cukup kepada guru menjalankan tugas memeriksa skrip jawapan pelajar iaitu antara tiga minggu hingga empat minggu selepas tamat waktu peperiksan, berbanding hanya empat hari hingga seminggu sahaja masa yang diperuntukkan kepada guru memeriksa skrip jawapan pelajar. Ini akan membolehkan guru menjalankan tugas memeriksa skrip jawapan dengan baik.

Pihak JPN dan PPD boleh membentuk suatu program pengujian dengan menggunakan set soalan, skim jawapan, kaedah pemeriksaan dan pemarkahan yang sama untuk peperiksaan akhir tahun atau peperiksaan percubaan yang dilaksanakan di peringkat sekolah. Melalui program ini diharapkan kertas soalan akan terdiri daripada item yang releven, peringkat kesukaran item yang sesuai, dan item dapat membezakan antara

pelajar yang pandai dan lemah. Diharapkan juga penyediaan skim jawapan yang lengkap, kaedah pemeriksaan skrip jawapan dan pemarkahan dapat diselaraskan bagi sesebuah daerah atau negeri. Ini secara langsung mempengruhi kesahan dan kebolehpercayaan suatu peperiksaan